

**MENILAI PELAKSANAAN PROGRAM LINUS 2.0
DI SEKOLAH-SEKOLAH DALAM
DAERAH GOMBAK**

MOHD MAZLI BIN ALIAS

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENILAIAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



ABSTRAK

LINUS merupakan akronim kepada *Literacy and Numeracy Screening* iaitu suatu program pemulihan untuk memastikan murid sekolah rendah menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi dalam tempoh tiga tahun awal persekolahan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi guru dan menilai pelaksanaan Program LINUS 2.0 menerusi keempat-empat dimensi Model Penilaian KIPP iaitu Dimensi Penilaian Konteks, Dimensi Penilaian Input, Dimensi Penilaian Proses dan Dimensi Penilaian Produk. Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen ini mengandungi 46 soalan objektif berskala Likert Lima Mata. Responden kajian ini terdiri daripada 300 orang guru tahap satu yang mengajar subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Matematik. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 23.0 dan menggunakan statistik deskriptif (min) dan statistik inferensi (korelasi dan ujian regresi pelbagai). Dapatan kajian menunjukkan bahawa 9 daripada 13 subkonstruk berkaitan persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 di sekolah-sekolah dalam Daerah Gombak berada pada tahap yang tinggi. Kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan, positif dan kuat antara Dimensi Konteks dengan Dimensi Input ($r=.696, N=300, p=0.00$) dan Dimensi Konteks dengan Dimensi Proses ($r=.593, N=300, p=0.00$). Namun begitu, hubungan yang sederhana berlaku di antara Dimensi Konteks dengan Dimensi Produk ($r=.516, N=300, p=0.00$). Hubungan yang signifikan, positif dan kuat juga melibatkan Dimensi Input dengan Dimensi Proses ($r=.783, N=300, p=0.00$) dan juga Dimensi Input dengan Dimensi Produk ($r=.689, N=300, p=0.00$). Selain itu, hubungan antara Dimensi Proses dan Dimensi Produk juga adalah signifikan dan kuat ($r=.633, N=300, p=0.00$). Kajian juga mendapati bahawa Dimensi Penilaian Konteks, Dimensi Penilaian Input dan Dimensi Penilaian Proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas Dimensi Penilaian Produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0. Dimensi Penilaian Input merupakan peramal terbaik bagi Dimensi Penilaian Produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan Program LINUS 2.0 merupakan suatu usaha berkesan yang dijalankan oleh KPM bagi membantu meningkatkan penguasaan murid normal dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira serta mampu meningkatkan tahap kualiti PdPc guru LINUS.





AN EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF LINUS 2.0 PROGRAMME AT SCHOOLS IN GOMBAK DISTRICT

ABSTRACT

LINUS is an acronym for Literacy and Numeracy Screening which is a rehabilitation program to ensure primary schoolers master basic literacy and numeracy skills within the early three years of schooling. The purpose of this study is to identify teachers' perceptions and evaluate the implementation of the LINUS 2.0 Program through the four dimensions of the CIPP Assessment Model that is Context Assessment Dimensions, Input Assessment Dimensions, Process Assessment Dimensions and Product Assessment Dimension. This study is a quantitative study in the form of survey method using questionnaire instrument. This instrument contains 46 objective questions of Likert Five Points. The respondents of this study consisted of 300 first-level teachers who taught the subjects of Malay language, English and Mathematics. The data were analyzed using the SPSS Version 23.0 software and used descriptive statistics (min) and inferential statistics (multiple regression correlations and tests). The findings show that 9 out of 13 subconstructs related to teachers' perceptions towards the implementation of the LINUS 2.0 Program at schools in Gombak District are at a high level. The study found that there was a significant, positive and strong correlation between Context Dimension with Input Dimension ($r=.696, N=300, p=0.00$) and Dimension of Context with Process Dimension ($r=.593, N=300, p=0.00$). However, moderate relationship applies between the Dimensions of the Context with the Product Dimension ($r=.516, N=300, p=0.00$). Significant, positive and strong relationships also involve Input Dimensions with Process Dimensions ($r=.783, N=300, p=0.00$) and Input Dimensions with Product Dimensions ($r=.689, N=300, p=0.00$). In addition, the relationship between Process Dimensions and Product Dimensions is also significant and strong ($r=.633, N=300, p=0.00$). The study also found that Dimension of Context Assessment, Input Assessment Dimension and Process Assessment Dimension have significant influence on Product Assessment Dimension in implementing LINUS 2.0 Program. The Input Evaluation Dimension is the best predictor of Product Rating Dimensions in implementing the LINUS 2.0 Program. The implication of this study shows that the implementation of the LINUS 2.0 Program is an effective effort carried out by the MOE to help improve the mastery of normal pupils in mastering the basics of reading, writing and numeration skills and improving the quality of teaching LINUS teachers.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	21
1.9 Batasan Kajian	23

1.10	Definisi Operasional	24
1.11	Rumusan	25

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Penilaian	27
2.2.1	Jenis – Jenis Penilaian	30
2.2.2	Penilaian Program	32
2.2.3	Pendekatan dan Model Penilaian	34
2.2.3.1	Pendekatan Berorientasikan Objektif.	35
2.2.3.2	Pendekatan Berorientasikan Penyertaan.	37
2.2.3.3	Pendekatan Berorientasikan Keputusan.	38
2.2.4	Kajian Lalu Yang Menggunakan Model Penilaian CIPP	44
2.2.5	Faktor Pemilihan Model Penilaian CIPP	46
2.3	Literasi dan Numerasi	49
2.4	Program LINUS 2.0 dalam Konteks Sistem Pendidikan Malaysia	54
2.4.1	Kemahiran Dalam Program LINUS 2.0	57
2.4.1.1	Kemahiran Literasi	57
2.4.1.2	Kemahiran Numerasi	61
2.4.2	Sasaran Program Linus 2.0	63
2.4.3	Strategi Pelaksanaan Program LINUS 2.0	64
2.4.4	Peranan Pelaksana dalam Program LINUS 2.0	65
2.4.5	Proses dalam Pelaksanaan Program LINUS 2.0	69
2.4.6	Perkembangan Program LINUS	72
2.4.7	Ciri-ciri Murid LINUS	76

2.4.8	Kajian-Kajian Lalu Berkaitan Program LINUS 2.0	76
2.5	Konstruk dalam Kajian	79
2.6	Rumusan	86

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.3	Populasi Dan Sampel	89
3.3.1	Kaedah Persampelan	91
3.3.1.1	Persampelan Sekolah	92
3.3.1.2	Persampelan Guru	93
3.4	Instrumen	95
3.4.1	Pembinaan Instrumen	95
3.5	Kajian Rintis	99
3.5.1	Kesahan	100
3.5.2	Kebolehpercayaan	102
3.5.3	Dapatan Kajian Rintis	104
3.5.3.1	Kesahan	104
3.5.3.2	Ujian kenormalan	105
3.5.3.3	Kebolehpercayaan	107
3.6	Prosedur Pengumpulan Data.	108
3.7	Kaedah Menganalisis Data	109
3.8	Rumusan	111

**BAB 4****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	112
4.2	Analisis Profil Responden	113
4.3	Andaian Regrasi Pelbagai	115
4.4	Analisis Persoalan kajian	118
4.5	Rumusan	148

BAB 5**PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	149
5.2	Ringkasan kajian	150
5.3	Perbincangan	151
5.4	Implikasi Kajian	170
5.5	Cadangan	173
5.6	Rumusan	174

**RUJUKAN****LAMPIRAN**



SENARAI JADUAL

No Jadual

Muka surat

1.1	Dasar dan Polisi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membasmi masalah 3M dikalangan murid sekolah rendah	7
2.1	Perbezaan antara penilaian formatif dan penilaian sumatif	30
2.2	Pendekatan dan model-model penilaian	35
2.3	Skop Model Penilaian KIPP	44
2.4	Kadar literasi bagi negara besar dunia pada tahun 2005	50
2.5	Kadar buta huruf mengikut negara	51
2.6	Program literasi dan numerasi yang dijalankan oleh kerajaan di beberapa buah negara	54
2.7	KPI Program LINUS 2.0 2015	64
2.8	KPI Program LINUS 2.0 2016	75
3.1	Jumlah sampel	93
3.2	Jumlah pembahagian sampel guru LINUS mengikut matapelajaran	94
3.3	Taburan item mengikut konstruk	98
3.4	Skala Likert 5 mata	99
3.5	Nilai pekali alfa (α)	103
3.6	Pekali <i>skewnees</i> dan <i>kurtosis</i>	106
3.7	Nilai pekali alfa yang diperolehi dari kajian rintis yang telah dijalankan	108





3.8	Interpretasi skor min adaptasi daripada Muhammad Faizal A Ghani dan Gary M. Crow (2013)	110
3.9	Kekuatan hubungan berasaskan skala Fitz-Gibbon dan Morris (1987)	111
4.1	Pecahan bilangan responden mengikut jantina	113
4.2	Pecahan bilangan responden mengikut tempoh mengajar LINUS	114
4.3	Pecahan responden mengikut subjek Program LINUS 2.0	114
4.4	Pecahan responden mengikut tahap pendidikan	115
4.5	Nilai <i>collinearity statistics tolerance</i>	116
4.6	Ujian kenormalan data menggunakan nilai pekali <i>skewnees</i> dan <i>kurtosis</i>	117
4.7	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	118
4.8	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dengan Prinsip Program Tranformasi Kerajaan	120
4.9	Persepsi guru terhadap Penggunaan Bahan Bantu Belajar	121
4.10	Persepsi guru terhadap Penggunaan Modul LINUS	122
4.11	Persepsi guru terhadap peranan FasiLINUS	124
4.12	Persepsi guru terhadap Pengukuhan dan Pemantapan Kompetensi Guru	125
4.13	Persepsi guru terhadap peranan Ibu Bapa	127
4.14	Persepsi guru terhadap pelaksanaan proses saringan LINUS 2.0	128
4.15	Persepsi guru terhadap pelaksanaan proses pengisian data saringan ke dalam portal LINUS 2.0	130
4.16	Persepsi guru terhadap pelaksanaan proses PdPc LINUS 2.0	132
4.17	Persepsi guru terhadap cabaran dalam pelaksanaan proses PdPc LINUS 2.0	133





4.18	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dalam membantu meningkatkan kualiti PdPc guru	135
4.19	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dalam membantu meningkatkan tahap penguasaan murid dalam 3M	136
4.20	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	138
4.21	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	139
4.22	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	140
4.23	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	141
4.24	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan program LINUS 2.0	142
4.25	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	143
4.26	Pengaruh dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	144
4.27	Peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0	145
4.28	Ringkasan dapatan kajian	146
4.29	Ringkasan dapatan hipotesis kajian	147
5.1	Pencapaian murid dalam saringan 1 LINUS daerah Gombak tahun 2018	164





SENARAI RAJAH

No Rajah

Muka surat

1.1	Kerangka Konseptual Kajian bagi menilai pelaksanaan Program LINUS 2.0 menggunakan Model Penilaian KIPP oleh Stufflebeam	21
2.1	Komponen Program LINUS 2.0	56
2.2	Strategi pelaksanaan Program LINUS 2.0	65
2.3	Proses dalam pelaksanaan program LINUS 2.0	71



SENARAI SINGKATAN

3M	Membaca, Menulis, Mengira
BPPI	Borang Pelaporan Penguasaan Individu
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GTP	Program Transformasi kerajaan / Government Transformation
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KIA2M	Kelas Intervensi Awal 2M (Membaca Menulis).
KPI	Indeks Prestasi Utama.
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBK	Murid Berkeperluan Khas
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara.
PdP	pengajaran dan pembelajaran
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan.
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPK	Program Pemulihan Khas
PPKI	Program Pendidikan Khas Intergrasi
	Programme
PROTIM	Program 3M (Membaca, Menulis, Mengira).

SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Jadual
- B Senarai Rajah
- C Senarai Singkatan
- D Senarai Lampiran
- E Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Tahap I Di Sekolah Rendah (2010).
- F Surat Siaran KPM Bilangan 9 tahun 2012
- G Surat Siaran KPM Bilangan 6 tahun 2013
- H Surat Siaran KPM Bilangan 4 tahun 2016
- I Surat Kelulusan menjalankan kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM (1) 2018
- J Surat Kelulusan menjalankan kajian dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
- K Surat Kelulusan menjalankan kajian dari Pejabat Pendidikan Daerah Gombak
- L Surat Kelulusan menjalankan kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan KPM (2) 2018
- M Borang Soal Selidik
- N Borang Pengesahan Item Soal Selidik



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan



Setiap negara di dunia mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri (Zainudin, Mohd Zaki & Nur Azza, 2015). Boleh dikatakan hampir semua sistem pendidikan mengalami perubahan dan reformasi untuk terus relevan pada masa hadapan. Perubahan yang berlaku adalah untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan dalam persekitaran pendidikan (Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015). Di kebanyakan negara membangun, sistem pendidikan dianggap sebagai kuasa penting untuk mempercepatkan pembaharuan dan perubahan (Zainudin et al., 2015). Dengan adanya sistem pendidikan yang efisien dan bermutu, negara dapat melahirkan ramai profesional untuk membantu membangunkan negara.



Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting. Ketinggian ilmu dan penguasaan kemahiran oleh rakyat di sesebuah negara merupakan kekuatan sebenar negara tersebut (Rajendran, 2001). Sekiranya sistem pendidikan di sesebuah negara gagal memberikan ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh rakyatnya, maka negara tersebut akan gagal untuk bersaing dengan negara lain dan akan ketinggalan. Oleh itu, kerajaan telah melakukan pelbagai transformasi dari segi dasar dan sistem pendidikan untuk memastikan anak-anak bangsa mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan sempurna. Secara tidak langsung, generasi muda Malaysia perlu berilmu, berfikiran kreatif, berinovatif, bercirikan nilai murni serta mampu bersaing di persada antarabangsa yang penuh cabaran.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuannya yang tersendiri, terdapat pelbagai rintangan yang perlu dilalui. Berdasarkan data yang diperolehi dari laman web rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah populasi rakyat Malaysia pada tahun 2017 dianggarkan seramai 28.723 juta orang. Menjelang tahun 2020, penduduk Malaysia dijangka akan mencecah 32.4 juta orang dan bilangan ini akan terus meningkat kepada 36 juta pada tahun 2030 (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu melakukan perubahan ke atas dasar dan sistem pendidikan bagi memastikan modal insan yang akan dibangunkan nanti dapat menyumbang ke arah kemajuan dan kemakmuran negara.



Berdasarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memberikan pendidikan yang sempurna dan percuma kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa, jantina dan kebolehan adalah selari dengan Perkara 28 (a) Konvensyen Hak Kanak-Kanak iaitu semua kanak-kanak wajib mendapat pendidikan rendah secara percuma (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2005). Namun begitu, disebabkan perbezaan minat, bakat, pengalaman dan gaya belajar di kalangan pelajar, mengakibatkan wujudnya golongan yang terkebelakang atau lambat di dalam menguasai sesuatu kemahiran berbanding rakan sebaya yang lain (Jabatan Pendidikan Khas, 2003). Sekiranya golongan ini tidak diberikan perhatian dan pengajaran pemulihan, mereka mungkin akan gagal memperoleh pendidikan yang sempurna dan potensi mereka akan terpendam.



Justeru itu Program Pemulihan Khas (PPK) diwujudkan bagi membantu murid-murid menguasai kemahiran asas 3M dalam tempoh masa yang telah ditetapkan agar masalah ini tidak menjadi semakin kronik dan berterusan sehingga ke tahap dua sekolah rendah (Dewi, 2011). Walaupun PPK telah dilaksanakan semenjak tahun 1960an, namun melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang diperkenalkan pada tahun 1983, telah memberi fokus kepada menangani masalah menguasai kemahiran asas 3M (rujuk jadual 1.1). Usaha bagi menangani masalah tersebut dijalankan menerusi PPK yang diwujudkan di setiap sekolah rendah. Menerusi KBSR, KPM telah melaksanakan perubahan dengan cara kembali semula kepada asas pendidikan (*back to the basic*) dengan memperkenalkan kurikulum yang lebih berfokus kepada penguasaan 3M. Semakan kurikulum ini turut meletakkan suatu penekanan yang penting terhadap masalah penguasaan 3M, dengan menjalankan aktiviti pengayaan dan pemulihan dalam kelas KBSR sebagai teras utama ke arah penyelesaian masalah 3M.



Seterusnya Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 telah dirangka untuk merealisasikan dan melaksanakan satu sistem pendidikan yang mampu membangunkan modal insan yang bersifat menyeluruh, progresif, bermoral, beretika tinggi dan bertaraf dunia (Sharil, Norfizah Hayati, & Muhammad Faizal, 2010). PIPP telah dilancarkan oleh Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Bin Hj. Ahmad Badawi pada 16 Januari 2007 di Putrajaya International Convention Centre. Terdapat 6 teras yang terkandung di dalam PIPP dan usaha kerajaan untuk membasmi masalah murid tidak menguasai Kemahiran 3M termaktub di dalam teras ketiga iaitu Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan teras keempat iaitu Merapatkan Jurang Pendidikan (Nazariyah, 2014). Oleh itu, Program KIA2M dan PROTIM diperkenalkan (rujuk jadual 1.1).

KIA2M bermaksud Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis dalam kalangan murid-murid tahun satu (Sharifah & Juti, 2009). Melalui Program KIA2M, semua murid tahun satu akan menduduki Ujian Penapisan KIA2M. Sekiranya lulus, murid-murid tersebut akan mengikuti pelajaran di arus perdana. Manakala, bagi murid yang gagal dalam ujian tapisan ini, mereka akan meneruskan intervensi selama tiga bulan lagi hinggalah Ujian Tapisan kedua dibuat. Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) KIA2M dijalankan dalam waktu Bahasa Melayu oleh guru Bahasa Melayu yang terlatih sahaja.

PROTIM bermaksud Program Pemulihan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (Siti Fatimah & Najeemah, 2012). Matlamat PROTIM adalah untuk memastikan semua murid yang bakal menamatkan pendidikan rendah (tahun enam) dapat menguasai 3M dan tidak tercicir dari persekolahan serta dapat mengikuti pelajaran di peringkat menengah. Pada peringkat awal pelaksanaannya iaitu pada tahun 2006,



PROTIM dilaksanakan kepada murid tahun enam sahaja iaitu selepas UPSR sekitar bulan September sehingga November. Namun, bermula dari tahun 2007, PROTIM telah diperluaskan pelaksanaannya kepada murid tahun empat dan dua tahun kemudian iaitu tahun 2009, PROTIM telah dilaksanakan kepada murid tahun lima. Bagi murid tahun empat dan lima pelaksanaan PROTIM dilaksanakan pada bulan Februari hingga November.

Walaupun KPM telah menjalankan beberapa program pemulihan namun masih terdapat murid yang masih belum menguasai kemahiran 3M dengan baik. Ini boleh dilihat menerusi kajian yang dijalankan oleh Wong (2014), mendapati bahawa seramai 54,000 murid tahun satu tidak menguasai kemahiran asas literasi dan seramai 117,000 murid tahun empat tidak menguasai kemahiran numerasi pada tahun 2008. Kadar keciciran di Malaysia ialah 31,939 pada tahun 2008. Oleh itu KPM perlu merancang dan melaksanakan satu program baharu untuk mengatasi masalah ini.

Hasilnya pada bulan April 2009 kerajaan telah memperkenalkan, Program Transformasi Kerajaan (GTP) iaitu satu program yang menekankan hasil kerja yang tinggi oleh kakitangan awam supaya rakyat mendapat kepuasan daripada perkhidmatan yang diberikan (Maizatul Haizan & Wan Idros, 2014). Untuk meningkatkan kepuasan tersebut, transformasi secara besar-besaran dan berperingkat telah dilakukan ke atas beberapa sektor perkhidmatan seperti keselamatan, pendidikan, infrastruktur, dan pengangkutan awam bagi memastikan mutu dan kualiti perkhidmatan awam berada pada tahap maksimum.





Kerajaan telah merangka GTP berdasarkan kepada Prinsip “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” (Jabatan Perdana Menteri, 2012). 1Malaysia adalah berdasarkan kepada konsep keadilan kepada semua. Ini bermakna tidak ada kumpulan atau kaum atau bangsa yang akan terpinggir dan segala bantuan atau peluang akan diberikan oleh kerajaan adalah berdasarkan kepada keperluan dan merit. Namun demikian, hak yang termaktub dalam Perlembagaan akan dipatuhi. Rakyat Didahulukan bermaksud kerajaan akan menumpukan perhatian kepada bidang yang sangat diperlukan oleh rakyat. Oleh itu kerajaan akan mengagihkan sumber yang lebih kepada bidang ini. Pencapaian Diutamakan pula bermaksud satu tahap baru telah ditetapkan bagi ketelusan dan kebertanggungjawaban kerajaan. Kerajaan akan membuat perubahan-perubahan penting demi mendatangkan hasil yang besar dan cepat yang dapat dilihat dan dirasakan oleh rakyat.



Menerusi GTP, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengumumkan Indeks Prestasi Utama (KPI) enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu:-

- i. Mengurangkan jenayah (diterajui oleh Menteri Dalam Negeri),
- ii. Membanteras rasuah (diterajui oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Undang-undang),
- iii. Mempertingkatkan pencapaian pendidikan (diterajui oleh Menteri Pelajaran).
- iv. Mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah (diterajui oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat),
- v. Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar (diterajui oleh Menteri Luar Bandar dan Wilayah)



- vi. Memperbaiki pengangkutan awam bandar (diterajui oleh Menteri Pengangkutan).

Enam teras NKRA ini adalah mewakili sebuah gabungan keutamaan jangka masa pendek untuk menangani tuntutan terdesak rakyat dan isu jangka masa panjang yang memberi kesan kepada rakyat yang memerlukan perhatian kerajaan sekarang (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, 2010).

Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada “Mempertingkatkan Pencapaian Pendidikan”. Ini kerana menerusi GTP, Program LINUS telah diperkenalkan pada tahun 2010 ke atas murid tahun satu (rujuk jadual 1.1). Matlamatnya pelaksanaan Program LINUS adalah untuk memastikan semua murid Tahap satu, kecuali murid berkeperluan khas, menguasai asas literasi Bahasa Malaysia, dan numerasi selepas tiga tahun mengikuti persekolahan di sekolah rendah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011). Pada tahun 2013, Bahasa Inggeris telah dimasukkan dan menjadi salah satu komponen Program LINUS dan kini dikenali sebagai LINUS 2.0 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015).

Jadual 1.1

Ringkasan Dasar Dan Polisi Kementerian Pendidikan Malaysia Dalam Membasmi Masalah 3M Dikalangan Murid Sekolah Rendah

Dasar dan Polisi Kementerian Pendidikan Malaysia	Program membasmi 3M
Kurikulum Baru Sekolah Rendah (1983).	Program Pemulihan Khas
Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 – 2010.	PROTIM dan KIA2M
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2010.	LINUS dan LINUS 2.0



1.3 Pernyataan Masalah

Pada masa kini, penguasaan kemahiran literasi dan numerasi adalah sangat penting kerana ia adalah asas kepada cabang-cabang ilmu pengetahuan yang wujud pada hari ini. Tidak dinafikan pendidikan merupakan penyumbang utama peningkatan tahap literasi dan numerasi dalam kalangan penduduk di seluruh (Siti, Nadzrah, & Rozme, 2007). Tahap literasi atau celik huruf yang tinggi di sesebuah negara mencerminkan keberkesanan sistem pendidikan di negara tersebut. Manakala kadar buta huruf yang tinggi pula kerap dikaitkan dengan masalah sosial seperti kemiskinan dan kemunduran. Justeru itu, peningkatan kualiti peningkatan literasi di kalangan rakyat di sesebuah negara akan mencorakkan pembangunan insan yang sekali gus menyumbang kepada kemajuan ekonomi, sosial dan politik di negara tersebut. Oleh itu, KPM turut memberikan perhatian dan menjalankan usaha untuk meningkatkan penguasaan kemahiran 3M dikalangan murid sekolah sejak tahun 1983. Namun tahap pencapaian negara kita masih tidak memuaskan.

Jika kita lihat kembali kepada beberapa statistik berkaitan kadar tidak menguasai kemahiran 3M di Malaysia, angka-angka yang dipamerkan agak mengejutkan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Norlaila Kuslan (2014), seramai 78 495 murid tahap satu dan tahap dua telah mengikuti pelajaran pemulihan Bahasa Melayu pada tahun 1999 dan jumlah ini bertambah kepada 86 852 pada tahun 2000. Daripada jumlah ini, hanya sebahagian sahaja yang berjaya dipulihkan.





Menerusi kajian yang dijalankan oleh Maziah, Muhammad Nubli, dan Mohd Firdaus (2012), pula menunjukkan seramai 115,377 orang murid sekolah rendah di seluruh Malaysia menghadapi masalah pembelajaran dan tidak dapat menguasai kemahiran asas 3M pada tahun 2004. Manakala data dari Program KIA2M dan data PROTIM pada tahun 2008 pula menunjukkan seramai 54,000 murid Tahun Satu dan 48,233 orang murid Tahun Empat belum menguasai kemahiran asas literasi iaitu membaca dan menulis (Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015). Manakala data Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM menunjukkan kadar keciciran murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia pada tahun 2008 adalah seramai 31,939 orang murid. Selain itu, berdasarkan laporan United Nations Development Programme (2016) kadar celik huruf rakyat Malaysia berada di tangga ke-94 daripada 178 negara di dunia pada tahun 2007/2008. Namun pada tahun 2016 pula, kadar celik huruf rakyat Malaysia berada di tangga ke-59 daripada 188 negara di dunia. Berdasarkan angka-angka yang dipamerkan, timbul persoalan dari segi kemampuan dan keberkesanan program pemulihan terdahulu dan juga Program LINUS 2.0 dalam membantu murid-murid menguasai kemahiran 3M.

Semenjak Program LINUS diperkenalkan pada tahun 2010, terdapat pelbagai isu yang timbul dan perlu diberi perhatian. Berdasarkan pembacaan dan penyelidikan yang telah dibuat, pengkaji mendapati bahawa tiada lagi penilaian secara menyeluruh dijalankan oleh para pengkaji terdahulu ke atas Program LINUS 2.0. Jika dilihat menerusi penggunaan model penilaian KIPP kebanyakan penyelidikan menjalankan kajian memfokuskan kepada salah satu atau dua daripada empat dimensi penilaian KIPP iaitu dimensi penilaian *Konteks*, dimensi penilaian *Input*, dimensi penilaian *Proses* dan dimensi penilaian *Produk* sahaja. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Maziah et al. (2012)



memfokuskan kepada dimensi input sahaja iaitu berkaitan Penggunaan Modul LINUS Berbantuan Terapi Biofeedback Em Wave. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Maszuraini dan Hamedi (2015) berkaitan Pembangunan Aplikasi Lilin iaitu Peranti Mudah Alih Untuk Kemahiran Membaca Kanak-Kanak. Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Abdul Jalil, Normarini, Ghazali, dan Saedah (2011) yang memfokuskan kepada dimensi proses sahaja iaitu berkaitan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Guru Yang Terlibat Dengan Pelaksanaan Program LINUS. Begitu juga dengan kajian yang dilaksanakan oleh Faizah dan Eftah (2015) yang memfokuskan kepada dimensi proses sahaja iaitu berkaitan Status Kefahaman Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Murid Program LINUS. Manakala kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng (2015) memfokuskan kepada dimensi input dan proses. Pengkaji ini telah memilih murid LINUS sebagai responden kajian bagi mengetahui persepsi murid LINUS terhadap Program LINUS dan proses PdP yang guru LINUS laksanakan. Selain itu, terdapat juga kajian yang menilai dimensi produk sahaja iaitu oleh Wong (2014). Beliau menyatakan bahawa tahap penguasaan murid dalam 3M masih berada pada tahap yang tidak boleh dibanggakan, walaupun murid tersebut telah berjaya melepasi ujian saringan LINUS. Atau dalam maksud lain, pencapaian murid berada pada tahap yang minimum iaitu sekadar melepasi syarat untuk lulus.

Oleh kerana tiada lagi kajian yang menilai pelaksanaan Program LINUS secara menyeluruh dijalankan oleh pengkaji terdahulu, maka pengkaji berhasrat untuk menjalankan penilaian ke atas pelaksanaan program LINUS menggunakan keempat-empat dimensi KIPP. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti sebarang tindakalan pembetulan yang boleh diambil bagi penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan Program LINUS 2.0 pada masa hadapan. Selain itu juga, Program LINUS telah memasuki



sembilan tahun pelaksanaannya dan telah berlaku pelbagai perubahan dan perkembangan dalam pelaksanaan Program LINUS semenjak dilancarkan pada tahun 2010. Dengan menjalankan penilaian, kita akan dapat mengetahui sama ada Program LINUS 2.0 telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Sekiranya Program LINUS 2.0 gagal mencapai matlamat yang telah ditetapkan maka tindakan pembetulan boleh diambil bagi memastikan Program LINUS 2.0 berjalan seperti yang dirancang.

Tindakan ini adalah bertepatan dengan definisi penilaian itu sendiri oleh tokoh-tokoh dalam bidang penilaian seperti Fitzpatrick, Sanders dan Worthen (2012) yang menyatakan bahawa, penilaian merupakan penentuan secara formal berkaitan kualiti, keberkesanan atau nilai bagi sesuatu program, produk, projek, proses, objektif atau kurikulum. Manakala Stufflebeam dan Shinkfield (2007) berpendapat bahawa, penilaian merupakan proses untuk memperoleh dan menyediakan maklumat yang boleh digunakan untuk tujuan membuat sesuatu keputusan. Selain itu juga, tujuan penilaian program pendidikan ini dijalankan adalah untuk tindakan pembetulan dan penyesuaian oleh agensi yang terlibat dari aspek akauntabiliti kewangan, pengurusan dan program (Ghazali, Othman & Normah, 2017).

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai pelaksanaan Program LINUS menggunakan Model Penilaian KIPP (CIPP) dari aspek konteks, input, proses dan produk iaitu:-



Dimensi Penilaian Konteks / *Context* (K)

1. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dengan:-
 - a. Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
 - b. Prinsip Program Tranformasi Kerajaan.

Dimensi Penilaian Input / *Input* (I)

2. Mengenal pasti persepsi guru terhadap:-
 - a. Penggunaan Bahan Bantu Belajar (BBB) dalam PdPc.
 - b. Penggunaan Modul LINUS dalam PdPc.
 - c. Peranan FasiLINUS.
 - d. Pengukuhan dan Pemantapan Kompetensi Guru LINUS.
 - e. Peranan Ibu Bapa.

Dimensi Penilaian Proses / *Process* (P)

3. Mengenal pasti persepsi guru terhadap:-
 - a. Pelaksanaan proses saringan LINUS 2.0.
 - b. Pelaksanaan proses pengisian data saringan ke dalam portal LINUS 2.0.
 - c. Pelaksanaan proses PdPc LINUS 2.0.
 - d. Cabaran dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.

Dimensi Penilaian Produk / *Product* (P)

4. Mengenal pasti persepsi guru tentang sejauh mana Program LINUS 2.0 berjaya membantu meningkatkan:-
 - a. Kualiti PdPc guru.
 - b. Tahap penguasaan murid dalam 3M.



5. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan antara:-

- a. Dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
- b. Dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
- c. Dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
- d. Dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
- e. Dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
- f. Dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam



6. Mengenal pasti sejauh mana pengaruh dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
7. Mengenal pasti peramal terbaik antara dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.





1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, maka beberapa persoalan kajian dibina seperti berikut iaitu:-

Dimensi Penilaian Konteks / *Context* (K)

1. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dengan:-
 - a. Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
 - b. Prinsip Program Tranformasi Kerajaan (GTP)?

Dimensi Penilaian Input / *Input* (I)

2. Apakah persepsi guru terhadap:-
 - a. Penggunaan Bahan Bantu Belajar?
 - b. Penggunaan Modul LINUS?
 - c. Peranan FasiLINUS?
 - d. Pengukuhan dan Pemantapan Kompetensi Guru?
 - e. Peranan Ibu Bapa?

Dimensi Penilaian Proses / *Process* (P)

3. Apakah persepsi guru terhadap:-
 - a. Pelaksanaan proses saringan LINUS 2.0?
 - b. Pelaksanaan proses pengisian data saringan ke dalam portal LINUS 2.0?
 - c. Pelaksanaan Proses PdPc LINUS 2.0?
 - d. Cabaran dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0?





Dimensi Penilaian Produk / *Product* (P)

4. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program LINUS 2.0 dalam membantu meningkatkan:-
 - a. Kualiti PdPc guru?
 - b. Tahap penguasaan murid dalam 3M?

5. Adakah terdapat hubungan antara:-
 - a. Dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0 ?
 - b. Dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0 ?
 - c. Dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0 ?
 - d. Dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0 ?
 - e. Dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0 ?
 - f. Dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0 ?

6. Sejauh manakah dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempengaruhi dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0?





7. Antara dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses yang manakah merupakan peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah mengemukakan beberapa hipotesis kajian iaitu:-

1. H_{a1} : Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
2. H_{a2} : Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
3. H_{a3} : Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
4. H_{a4} : Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
5. H_{a5} : Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
6. H_{a6} : Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.
7. H_{a7} : Dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.





8. H_{a8} : Mengenal pasti peramal terbaik antara dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang digunakan untuk kajian ini adalah adaptasi daripada Model Penilaian KIPP. Model KIPP merupakan singkatan untuk Dimensi Penilaian Konteks (*context*), Input (*input*), Proses (*process*) dan Produk (*product*). Model penilaian KIPP adalah berorientasikan pembuat keputusan (Alias Mahmud, 2012). Penilaian model ini boleh dilakukan semasa sesuatu program sedang berjalan dan ia lebih menekankan keberkesanan dan pengawalan kualiti. Stufflebeam (1971) percaya bahawa penilaian merupakan suatu proses berterusan yang perlu dilaksanakan secara sistematik. Beliau berpendapat bahawa penilaian adalah satu proses membuat garis panduan (*delineating*), mendapatkan (*obtaining*) dan membekalkan (*providing*) maklumat yang berguna untuk membuat keputusan yang betul. Beliau juga berpendapat bahawa suatu penilaian yang terperinci mesti dibuat sekiranya maklumat yang ada berkaitan dengan sesuatu program adalah sedikit.

1. Dimensi Penilaian Konteks / *Context* (K)

Merupakan penilaian ke atas persekitaran kursus yang memfokuskan kepada kandungan kursus itu sendiri seperti matlamat kurikulum yang dihasratkan, objektif yang disasarkan, peluang, nilai, kepercayaan, kemahiran dan penguasaan pengetahuan (Stufflebeam,





1971). Menerusi Stufflebeam dan Shinkfield (2007), dimensi penilaian konteks ini telah diperjelaskan lagi adalah untuk menentukan konteks yang relevan, mengenal pasti populasi sasaran dan menilai keperluannya, mengenal pasti peluang-peluang untuk menangani keperluan, mendiagnosis masalah yang mendasari keperluan.

Menerusi dimensi penilaian konteks juga, ia memberi peluang kepada para pembuat keputusan untuk merancang objektif program sama ada untuk mengesahkan objektif sekarang, mengubah suai objektif sedia ada atau untuk membangunkan objektif baru (Nor Hasnida, 2016). Oleh itu, pemilihan objektif program akan mempengaruhi keputusan perancangan. Persoalan yang berlegar-legar di dalam dimensi penilaian konteks berkaitan:-

- a. Apakah matlamat program?
- b. Apakah konteks program dan bagaimanakah ia sepadan dengan populasi sasaran?
- c. Apa yang perlu kita lakukan untuk menilai program ini?
- d. Objektif yang mana patut dicapai?

2. Dimensi Penilaian Input / *Input* (I)

Berkaitan penyediaan maklumat dan penentuan penggunaan sumber-sumber bagi memenuhi matlamat kursus dalam mencapai objektif program atau hasil yang diinginkan Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Ia memfokuskan kepada penggunaan pelbagai strategi dan kaedah yang dirasakan berpotensi untuk mencapai objektif kursus.





Dimensi penilaian input membolehkan pembuat keputusan membuat keputusan mengenai struktur program yang berkaitan dengan strategi, personel, sumber, prosedur atau penilaian kos prospektif untuk mencapai objektif program (Nor Hasnida, 2016).

Dimensi penilaian input melibatkan persoalan berkaitan:-

- a. Bagaimana kita boleh menilai program ini?
- b. Strategi atau prosedur yang manakah patut dicuba?"
- c. Apakah input yang diterima daripada Kementerian Pendidikan?
- d. Apakah perkembangan profesional yang diberikan oleh pembekal?"

Oleh itu pengurusan perlu mengenal pasti reka bentuk prosedur dan strategi pendidikan yang paling sesuai serta mampu mencapai hasil yang diharapkan.



3. Dimensi Penilaian Proses / Process (P)

Menurut Stufflebeam dan Shinkfield (2007), penilaian proses merupakan pemantauan ke atas proses pelaksanaan program dan menyediakan senarai rujuk utama untuk pemantauan berterusan. Matlamat utama penilaian proses adalah untuk pengumpulan dan mendokumentasi data bagi melihat dan mengetahui sejauh mana perubahan telah berlaku dan komponen mana perlu diberi penekanan (Mohamad Fadzil & Abdul Jaleel, 2013).

Dimensi penilaian proses memberi tumpuan kepada proses yang dilaksanakan untuk mencapai objektif program (Nor Hasnida, 2016). Penilaian proses juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang perubahan dan dokumen proses. Ia memberikan maklumat berkaitan perkembangan semasa program dan penerangan





lengkap mengenai aktiviti program sebenar. Ini akan membantu pembuat keputusan memahami bagaimana pelaksanaannya dapat diperkuat, mengapa objektif program tidak dicapai dan membantu dalam membuat keputusan. Persoalan yang timbul di dalam penilaian proses ialah:-

- a. Adakah kita melakukan dengan betul?
- b. Adakah strategi atau prosedur berfungsi seperti yang dirancang?
- c. Adakah reka bentuk perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap dan diubah suai seperti yang diperlukan?

4. Dimensi Penilaian Produk / *Product* (P)


Ia juga dikenali sebagai penilaian hasil. Dimensi penilaian produk bertujuan untuk mengenal pasti dan menilai hasil program bagi menentukan sama ada ia berjaya atau tidak (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Tujuan penilaian produk adalah untuk mengukur, mentafsir dan menilai hasil dapatan dengan jujur. Dimensi penilaian produk juga untuk melihat keperluan pengisian yang telah dipenuhi atau perlu penambahbaikan.

Menurut Ghazali dan Sufean (2015), dimensi penilaian produk memfokuskan kepada hubungan yang terhasil antara *outcome* bagi penilaian konteks, input dan proses dengan penilaian produk. Hasil dapatan untuk penilaian hasil akan digunakan oleh pihak pengurusan untuk membuat keputusan sama ada sesuatu program perlu diteruskan, ditangguhkan, diubahsuai atau ditamatkan. Menurut Stufflebeam (2003), dimensi penilaian produk adalah bertujuan untuk membandingkan hasil program dengan objektif yang telah ditetapkan. Penilaian produk perlu menjawab persoalan berkaitan:-

- a. Adakah usaha atau program ini berjaya?



- b. Adakah program telah mencapai matlamat atau objektif yang telah ditetapkan?



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian bagi menilai pelaksanaan Program LINUS 2.0 menggunakan Model Penilaian KIPP

1.8 Kepentingan Kajian

Isu berkaitan kegagalan menguasai kemahiran 3M dikalangan murid merupakan suatu masalah yang serius dan perlu diatasi segera. Oleh itu, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi mengatasi masalah ini. Kepentingan kajian ini KPM ialah KPM boleh mendapat maklum balas yang jelas dan terperinci berkaitan pelaksanaan Program LINUS 2.0. Ini kerana, pengkaji menilai pelaksanaan Program Linus 2.0 menggunakan



Model Penilaian KIPP. Oleh itu, sebarang kecacatan atau gangguan yang timbul sepanjang pelaksanaan program dapat dikenal pasti dan diambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan Program LINUS 2.0 mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ini kerana sekiranya sesuatu program pendidikan yang bermasalah diteruskan tanpa sebarang pembetulan atau penambahbaikan, ia akan memberi kesan yang sangat besar ke atas satu generasi pelajar. Ini adalah bertepatan dengan tujuan penilaian diadakan iaitu untuk mengumpulkan dan membekalkan maklumat kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan (Amin, 2008). Selain itu juga, guru-guru dapat melaksanakan tanggungjawab yang digalas sebagai guru LINUS tanpa sebarang tekanan atau terbeban melalui proses pelaksanaan yang efektif.

Seterusnya hasil kajian ini adalah penting kepada PPD, sekolah dan guru-guru sebagai panduan dalam proses pelaksanaan Program LINUS 2.0. Selain itu juga, ia dapat memberi kesedaran kepada guru-guru tentang kejayaan yang telah dicapai dan kelemahan yang timbul dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0.

Sebagai golongan sasaran dalam pelaksanaan Program LINUS 2.0, murid-murid LINUS mempunyai kepentingan ke atas hasil kajian yang akan dijalankan nanti. Melalui saranan dan penambahbaikan yang dijalankan akan memberi impak yang positif kepada murid terutamanya dalam mencapai matlamat Program LINUS 2.0 iaitu memastikan semua murid (kecuali murid yang berkeperluan khas) menguasai kemahiran literasi (BM dan BI) dan numerasi dalam tempoh 3 tahun pertama persekolahan.





1.9 Batasan Kajian

Walaupun kajian ini dijalankan dalam beberapa dimensi iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk, namun masih wujud batasan dalam keputusan yang diperolehi. Ini kerana pengkaji telah memilih responden dari kalangan guru-guru untuk menjawab soalan soal-selidik tanpa melibatkan golongan ibu bapa atau murid-murid LINUS itu sendiri. Secara tidak langsung, jawapan yang diterima hanyalah dari sudut golongan pelaksana Program LINUS 2.0 tanpa melibatkan pandangan atau pendapat dari golongan penerima dasar.

Selain itu juga, batasan ini wujud apabila guru sebagai pelaksana Program LINUS 2.0 hanya tahu tentang teori atau manual Program LINUS 2.0 tetapi pelaksanaan program LINUS 2.0 adalah tidak seperti yang dirancang. Mereka menjawab setiap soalan yang pengkaji kemukakan berdasarkan pengetahuan mereka dan bukanlah berdasarkan amalan realiti yang sepatutnya. Seterusnya, batasan yang mungkin wujud adalah kebarangkalian guru-guru memberikan jawapan yang positif berkaitan Program LINUS 2.0. Ini kerana, guru-guru berasa bimbang sekiranya jawapan yang berbentuk negatif yang mereka berikan akan memberi kesan yang negatif kepada diri dan prestasi sekolah pada kaca mata pengkaji, pemerhati dan semua pihak.





1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah dalam kajian ini digunakan menurut konteksnya agar pembaca membuat interpretasi yang betul dalam memahami prosedur dan hasil kajian.

1. LINUS

Merupakan akronim kepada Literacy and Numeracy Screening iaitu suatu program pemulihan untuk memastikan murid menguasai kemahiran asas literasi (Bahasa Malaysia) dan numerasi dalam tempoh 3 tahun awal persekolahan pada pendidikan rendah (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011). Sasaran utama Program LINUS adalah murid yang mempunyai masalah dalam penguasaan 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira.



2. LINUS 2.0

Merupakan penambahbaikan dari Program Linus dengan kemasukan subjek Bahasa Inggeris dalam komponen LINUS bermula pada tahun 2013 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015). Ini menjadikan Subjek LINUS kepada 3 iaitu Bahasa Malaysia, Matematik (Numerasi) dan Bahasa Inggeris.

3. PROTIM

PROTIM bermaksud Program Pemulihan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira untuk murid tahun 4,5,dan 6 bagi memastikan semua murid yang bakal menamatkan pendidikan rendah dapat menguasai 3M dan tidak tercicir dari persekolahan serta dapat mengikuti pelajaran di peringkat menengah (Khairuddin & Zaridah, 2015).



4. KIA2M

KIA2M bermaksud Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis dalam kalangan murid-murid tahun 1 (Nazariyah, 2014).

5. Intervensi

Intervensi awal ialah satu proses membekalkan perkhidmatan, pendidikan dan sokongan kepada kanak-kanak yang berisiko atau yang mengalami kelambatan dalam perkembangan fizikal atau mental yang akan mempengaruhi perkembangan dan menghalang pembelajaran (Yee & Manisah, 2008). Dalam kajian ini, intervensi merujuk kepada usaha guru dalam membantu murid yang masih tidak menguasai kesemua 12 konstruk LINUS menggunakan Modul LINUS yang dibekalkan oleh KPM (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011). Sekiranya murid LINUS itu menghadapi masalah berkeperluan khas, maka mereka akan dirujuk kepada Program Outreach bagi mendapatkan pengesahan dari pegawai perubatan untuk membolehkan mereka menyertai Program Pendidikan Khas .

1.11 Rumusan

Dalam bab 1 ini, secara keseluruhannya merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu Program LINUS 2.0. Ia juga membincangkan tentang segala maklumat berkaitan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu juga, kerangka konseptual yang diadaptasi dari Model Penilaian KIPP merupakan rangka penting kepada kajian ini yang akan menjadi panduan kepada pengkaji dalam menilai pelaksanaan Program LINUS 2.0 .